

30/10/1997

Sidang G15 tumpu krisis mata wang (HL)

Jamhariah Jaafar; Faizal Fadzil

KUALA LUMPUR, Rabu - Isu manipulasi pasaran mata wang yang membawa kepada kejatuhan bursa saham seluruh dunia semalam, dijangka menjadi topik utama perbincangan ketua-ketua negara Kumpulan 15 negara membangun (G15), di sini mulai Isnin ini.

Ketua Setiausaha Kementerian Luar, Datuk Abdul Kadir Mohamed, berkata isu itu sekarang bukan saja sangat penting kepada Malaysia, malah seluruh dunia.

"Sebagai tuan rumah, Malaysia sudah pasti akan mencadangkan supaya isu itu dibincangkan di peringkat menteri dan ketua kerajaan. Pada masa ini, kami sedang mencari jalan dan cara terbaik untuk membentangkan masalah ini."

"Kita akan memberi penekanan terhadap isu ini dalam cara yang paling baik," katanya pada sidang akhbar selepas mesyuarat Wakil-wakil Peribadi Ketua-ketua Negara dan ketua-ketua Kerajaan G15, di sini hari ini.

Bagaimanapun, beliau enggan mengulas sama ada isu menangani krisis mata wang akan turut disenaraikan ke dalam Perisytiharaan Bersama yang akan diluluskan oleh ketua-ketua negara ketika Sidang Kemuncak G15 minggu depan.

"Saya tidak mahu membuat ramalan awal mengenai sambutan yang akan diberi oleh ketua-ketua negara, apa yang saya berani katakan ialah isu ini akan diberi fokus istimewa oleh pemimpin negara ahli," katanya.

Seramai lima Presiden, dua Perdana Menteri, seorang Naib Presiden dan seorang Timbalan Perdana Menteri dari negara ahli G15 sudah mengesahkan kehadiran di mesyuarat kali ketujuh ini.

Selain Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang akan menjadi tuan rumah, Presiden Suharto dari Indonesia, Presiden Hosni Mubarak (Mesir), Presideon Alberto Fujimori (Peru), Presiden Robert Mugabe (Zimbabwe) dan Presiden Liamine Zeroul dari Algeria antara pemimpin negara yang akan hadir.

Kehadiran Menteri Luar Mexico, Jose Angel Gurria Trevino yang negaranya pernah mengalami kejatuhan ekonomi 1982, pasti menjadikan perbincangan krisis mata wang itu menjadi tumpuan utama.

Isu lain yang dijangka menjadi perbincangan sidang kali ini ialah cadangan Malaysia supaya membentuk sebuah pasaran khusus bagi urus niaga mata wang bagi mengatasi kegiatan spekulasi dan manipulasi.

(END)